



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI SAINTIFIK (B.2 EB.3)
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- | |
|--|
| <p>1. PEGAWAI SAINTIFIK
JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)</p> |
|--|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Farmakologi / Farmaseutikal / Farmaseutikal Kimia / Kimia / Saintifik atau bidang yang berkaitan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menkuatkuasakan undang-undang Akta Daging Halal Penggal 183 dan Aturan-Aturannya dan Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 dan Akta Kesihatan Awam (Makanan) Penggal 182;
2. Memproses segala permohonan di bawah perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 dan seterusnya membuat pengauditan;
3. Menjalankan pengauditan terhadap permohonan Sijil Halal dan Permit Halal bagi restoran-restoran dan tempat pemprosesan makanan;
4. Membuat pemeriksaan ke pusat-pusat penyembelihan yang memohon untuk mendapatkan Sijil Penyembelihan dan Lesen Membekal;
5. Bertanggungjawab untuk mengambil sampel makanan untuk dianalisa;
6. Menjadi pegawai pemerhati di rumah sembelihan luar negara yang telah diiktiraf oleh Majlis Ugama Islam Brunei; dan
7. Menerima arahan dari semasa ke semasa yang diarahkan oleh Ketua Jabatan/ Pengetua / Guru Besar.